

SUMBANGAN PENGAJIAN ILMU QIRĀAT DI ERA MODEN

THE CONTRIBUTION OF QIRĀ' AT STUDIES IN THE MODERN ERA

Gumaa Ahmed Himmad

Fakulti Usuluddin, Univerisiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),
BE1310, Brunei Darussalam.
Emel: gumaa55@yahoo.com

Ahmad Baha' bin Mokhtar

Fakulti Usuluddin, Univerisiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),
BE1310, Brunei Darussalam.
Emel: baha.mokhtar@unissa.edu.bn

Rifqi Hidayatil

Fakulti Usuluddin, Univerisiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),
BE1310, Brunei Darussalam.
Emel: rifqiibnutakdir4@gmail.com

ABSTRAK

Penulisan ini bertujuan untuk menyatakan sumbangan dan kepentingan pengajian ilmu qirāat di era moden. Hal itu kerana ilmu qirāat sering dilepas pandang oleh sebahagian kalangan sehingga menjadikannya sebagai satu kajian yang sangat langka bagi umat Islam. Padahal para ulama telah menitikberatkannya sejak zaman dahulu, bahkan sebelum beberapa ilmu lain diperbincangkan. Penulisan ini bersifat kualitatif dengan pendekatan deskriptif yang mengumpulkan pelbagai dokumentasi daripada kajian kepustakaan berkaitan sumbangan dan kepentingan pengajian ilmu qirāat. Walaupun kertas kerja ini tidak akan meliputi semua aspek berkenaan, namun ianya diharapkan mampu memberikan gambaran dan mengungkapkan alasan mengapa pengajian ilmu qirāat di era moden ini perlu dikekalkan dan dilestarikan. Hasil kajian mendapati bahawa pengajian ilmu qirāat merupakan satu bentuk pemeliharaan terhadap keaslian dan keistimewaan pada perkataan al-Qur'an al-Karim. Ianya adalah rujukan dan sumber

yang telah memberikan peranan penting dalam pengajian Islam seperti ilmu tafsir, fekah dan bahasa. Selain itu, ianya juga dapat menentang setiap cabaran dan tuduhan yang didakwa oleh musuh-musuh Islam untuk menjatuhkan martabat al-Qur'an. Sehingga pengajian ilmu qirāat di era moden ini adalah satu kepentingan yang mesti diteruskan, kerana kepupusan ilmu qirāat akan mengakibatkan terkuburnya sebahagian firman Allah S.W.T dan pupusnya khazanah keilmuan, bahkan boleh jadi hilangnya pedoman hidup bagi umat Islam.

Kata Kunci: Pengajian, Qirāat, Moden.

ABSTRACT

This article aims to reveal the contribution and importance of the study of Qirā'at science in the modern era. Muslim scholars have emphasised it since immemorial times, even before several other sciences were discussed. This article conducts qualitative research and will reveal several reasons why the science of Qirā'at needs to continue to be maintained. Although the description does not cover all aspects, it is hoped that it can represent and illustrate the purpose of this article. The research results found that the study of Qirā'at science is a form of preserving the special qualities of al-Quran al-Karim. It is a reference and source that has an important role in Islamic studies such as tafsir, fiqh, and language. Apart from that, it can also oppose every challenge and accusation made by the enemies of Islam that aim to undermine the honour and dignity of the Qur'an. So, the study of the science of Qirā'at in the modern era is an important thing that must be continued, because the extinction of the science of Qirā'at will result in the burial of some of the words of Allah S.W.T. and the disappearance of the treasures of knowledge. It could even be the loss of a way of life for Muslims.

Keywords: Qirā'at Studies, al-Quran, Modern Era, Contribution.

1. PENDAHULUAN

Ilmu qirāat adalah satu cabang ilmu yang mempelajari tentang kepelbagaian perkataan al-Qur'an. Ilmu ini merupakan salah satu sumber dan rujukan penting dalam pengajian Islam, ia telah memberikan peranan yang sangat signifikan bagi sebahagian

ilmu lain seperti tafsir, fekah, bahasa dan lainnya. Para ulama sejak dahulu telah memperbincangkan keberadaan ilmu ini dan memandang akan keistimewaannya. Mereka menjadikan ilmu qirāat sebagai satu wasilah untuk memperdalam kefahaman mengenai ayat-ayat al-Qur'an. Kerana memahami al-Qur'an dengan kepelbagaian qirāat adalah satu bentuk daripada memahami al-Qur'an dengan al-Qur'an itu sendiri, yang mana ia adalah derajat tertinggi dari sesebuah penafsiran. Sebab al-Qur'an adalah kalāmullah dan tentunya tidak ada yang lebih patut menjelaskan kalam tersebut melainkan perkataan Allah S.W.T.¹

Kendatipun demikian, namun ilmu qirāat sering tidak mendapatkan perhatian besar dalam kalangan umat Islam. Ia dianggap sebagai satu kajian yang langka dan rumit. Mempelajarinya memerlukan kepada usaha dan masa yang relatif panjang, kemudian mencari guru dalam bidangnya juga mempunyai rintangan tersendiri. Bersamaan dengan itu, kajian qirāat juga dianggap sebagai satu kajian yang telah kekal dan tidak berubah-ubah sesuai zaman dan masa. Sehingga banyak didapati orang yang melepas pandang terhadap pengajian qirāat pada zaman ini, bahkan ada yang memandang rendah akan kepentingannya.

Sehubungan itu, maka kertas ini akan membicarakan sumbangan dan kepentingan pengajian ilmu qirāat di era moden dengan mengambil pendekatan tidak akan membahaskan semua sumbangan tersebut. Kerana pembahasan mengenainya memerlukan kepada kertas dan masa yang lebih panjang. Namun, ianya akan dipilih beberapa sahaja yang dianggap boleh mewakili dan menyerlahkan kepentingan pengajaran ilmu qirāat pada zaman sekarang.

2. METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini bersifat kualitatif dengan pendekatan deskriptif yang mengumpulkan pelbagai dokumentasi daripada kajian kepustakaan berkaitan sumbangan dan kepentingan pengajian ilmu qirāat. Kertas kerja ini berobjektif untuk memberikan satu gambaran dan mengungkapkan asas-asas penting yang menjadikan pengajian ilmu qirāat perlu dikekalkan dan dilestarikan oleh umat Islam di era moden. Sumber utama maklumat penyelidikan ini diperolehi daripada buku dan tulisan-tulisan yang membincangkan tentang ilmu qirāat dan pengajiannya. Di samping itu, ia juga merujuk kepada pelbagai artikel dari kajian lainnya yang dapat menyokong dan menyungguhkan satu bukti akan peranan, sumbangan dan kepentingan pengajian ilmu qirāat di era moden ini. Seperti kajian tafsir, fekah, bahasa dan sebagainya. Penyelidik meyakini bahawa kertas kerja ini tidak dapat mengungkapkan dan membincangkan

¹ Muhammad bin Umar bin Salim Bazmoul, *Al-Qirāat Wa Atsaruha fi al-Tafsir wa al-Ahkam* (Makkah: Fakulti Dakwah dan Usuluddin Universiti Ummul Qur'an, 1993), 304.

kontribusi pengajian qirāat sepenuhnya, namun ianya diharapkan dapat mewakili objektif utama daripada kajian ini.

3. PENGENALAN ILMU QIRĀAT

Dari sudut bahasa perkataan *Qirāat* ialah bentuk jama' (plural) daripada *Qirāah* yang mempunyai makna bacaan. Ia merupakan kata *mashdar* (terbitan) dari struktur asal *Qaraā-Yaqraū-Qirāat-Qur'ān* yang bermaksud membaca dan pembacaan. Membaca dalam istilah bahasa arab mempunyai makna mengumpulkan dan menyertai sesuatu dengan lainnya, sebagaimana Ibnu al-Athir berkata: “*Sesuatu yang telah dibaca, maka ianya telah dikumpulkan. Begitu juga dengan ia diberi istilah demikian kerana ia telah menghimpun di dalamnya cerita, perintah, larangan, janji, ancaman, ayat-ayat dan surah-surah antara satu sama lain*”.² Imam al-Razi juga menyatakan hal yang sama, beliau berkata: “*Membaca sesebuah kitab ialah mengumpulkan dan menyertainya antara satu sama lain*”.³

Adapun dari segi istilah, para ulama telah memberikan pelbagai definisi mengenai qirāat. Namun, pada realitinya semua definisi tersebut tidak jauh berbeza dan masih mempunyai maksud yang sama. Manna' al-Qatthan dalam karangannya *Mabahits fi Ulum al-Qur'an* menjelaskan bahawa qirāat ialah sesebuah madzhab atau cara tertentu dalam melafazkan perkataan-perkataan al-Qur'an yang dipilih oleh seseorang imam qirāat yang berbeza dengan lainnya.⁴ Tidak jauh berbeza, Abu Hayyan al-Andalusi penulis tafsir *al-Bahru al-Muhith* mengatakan bahawa qirāat ialah ilmu yang membahaskan mengenai pelbagai cara mengucapkan perkataan dalam al-Qur'an.⁵ Dan al-Zarkasyi dalam *al-Burhan* berpandangan bahawa ilmu qirāat adalah ilmu yang membahas perselisihan lafadh al-Qur'an pada penulisan ataupun cara pengucapannya.⁶ Manakala menurut imam Ibnu Ibnu al-Jazari sebagai tokoh besar dalam bidang ini menyatakan bahawa, ilmu qirāat ialah kajian yang membahas cara mengucapkan perkataan al-Qur'an dan perbezaannya dengan menyandarkan setiap bacaan tersebut kepada imam yang meriwayatkannya.⁷

² Ibnu al-Athir al-Mubarak bin Muhammad Al-Syaibani, *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith*, ed. Tahir Ahmad al-Zawi, Mahmud Muhammad al-Thanahi (Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah, 1979) 4, 30.

³ Muhammad bin Abi Bakr al-Razi, *Mukhtar al-Shihhah*, Ed. Yousuf Syeikh Mohammad (Beirut: al-Maktabah al-Ashriyyah, 2000), 220.

⁴ Manna' bin Khalil al-Qattan, *Mabahith fi Ulum al-Qur'an* (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 2000), 171.

⁵ Abu Hayyan Muhammad bin Yousuf al-Andalusi, *Al-Bahru al-Muhith fi at-Tafsir*, Ed. Shidqi Mohammad Jamil (Beirut: Dar al-Fikr, 2000) 1, 14.

⁶ Badruddin al-Zarkasyi, *Al-Burhan fi Ulum al-Qur'an*, Ed. Mohammad Abu al-Fadhl Ibrahim (Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, 1957) 1, 317.

⁷ Syamsuddin Abu al-Khair Ibnu al-Jazari, *Munjid al-Muqriin wa Mursyid al-Thalibin* (Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, 1999), 3.

Dari pelbagai definisi yang telah diungkapkan oleh para ulama, dapat disimpulkan bahawa perbahasan dan kajian dalam ilmu qirāat mencakup kepada kepelbagaian cara melafazkan atau menuliskan perkataan di dalam al-Qur'an yang dinukil daripada Baginda Rasulullah S.A.W.

4. SUMBANGAN DAN KEPENTINGAN PENGAJIAN ILMU QIRĀAT DI ERA MODEN

Seluruh qirāat al-Qur'an yang mutawatir merupakan bahagian dari *Ahruf Sab'ah* yang telah diajarkan Jibril kepada baginda Nabi S.A.W. Ianya adalah wahyu daripada Allah S.W.T yang mesti selalu dijaga dan dipelihara oleh umat Islam. Mempelajari ilmu qirāat merupakan salah satu bentuk usaha untuk menjaga kesempurnaan dan keutuhan al-Qur'an. Sama halnya dengan melepas pandang akan perkara tersebut juga merupakan satu bentuk pengabaian terhadap bahagian penting dari al-Qur'an itu sendiri.

Sejak zaman berzaman para ulama telah berusaha dengan segala tenaga dan fikiran untuk menjaga dan menyampaikan ilmu qirāat. Sama ada dari segi pembelajaran dan pengajaran mahupun dari segi tulisan dan kajian. Semua pengorbanan tersebut kerana pentingnya kedudukan ilmu qirāat dalam pandangan para ulama. Antara sumbangan dan kepentingan pengajian ilmu qirāat pada zaman moden adalah sebagai berikut:

4.1 Fardhu Kifayah

Mempelajari ilmu qirāat adalah fardhu kifayah. Ertinya ia adalah satu amalan yang diwajibkan secara berjamaah kepada masyarakat Islam. Dengan ketentuan apabila ada sebahagian orang yang menguasai ilmu qirāat dan mempelajarinya, maka seluruh masyarakat akan terbebas dari dausa. Namun sebaliknya jika tiada yang mempelajari serta tiada yang mampu menguasainya, maka seluruh masyarakat akan menerima dausa tersebut.⁸

Meskipun hukum mempelajari ilmu qirāat adalah fardhu kifayah, namun setiap individu muslim mempunyai tanggung jawab akan hal tersebut. Setiap individu perlu berusaha mempelajari ilmu qirāat walaupun sekadar mampu, atau berusaha untuk memberi pertolongan dan dorongan kepada orang-orang yang mempelajarinya. Kerana salah satu ajaran yang dititikberatkan dalam fardhu kifayah adalah unsur sosial dan kebersamaan antara sesama masyarakat Islam. Bagaimana masyarakat mampu

⁸ Al-Jazari, *Munjid al-Muqriin wa Mursyid at-Thalibin*, 16.

menjalankan tanggung jawab dan kewajiban tersebut secara bersama-sama, sehingga ia dapat membebaskan dosa bagi seluruhnya.⁹

Maka oleh itu, mempelajari ilmu qirāat yang merupakan fardhu kifayah bagi *umat* Islam tidak boleh diabaikan dan dipandang sebelah mata. Ianya adalah tanggung jawab bersama yang penting untuk dilestarikan dan dipelihara secara berterusan, bahkan setiap individu mesti berusaha dengan porsinya masing-masing untuk menegakkan kewajiban berkenaan. Sehingga senantiasa akan melahirkan generasi yang menjaga keutuhan ilmu tersebut dan menjamin terangkatnya dosa dari seluruh *umat* Islam sampai hari kiamat kelak.

4.2 Menghidupkan Dan Memelihara *Kalāmullah*

Pada zaman dahulu, kajian qirāat dan riwayat al-Qur'an merupakan satu ilmu yang sering diperbincangkan. Semua qirāat tersebut telah dipakai dan dibaca oleh kaum muslimin di pelbagai negeri, hanya sahaja pada setiap negeri itu mempunyai satu bacaan yang paling popular di kalangan masing-masing penduduknya. Namun sejak beberapa abad terakhir, sebahagian besar daripada qirāat dan riwayat al-Qur'an itu telah mengalami kepupusan secara perlahan-lahan. Yang mana tidak semua bacaan mutawatirah di era moden ini dipakai secara kekal dalam kehidupan masyarakat Islam. Melainkan hanya empat riwayat al-Qur'an sahaja yang masih popular iaitu Hafs, Warsy, Qalun dan al-Duri. Manakala 16 riwayat lainnya hanya dipelajari oleh kalangan tertentu dan di tempat tertentu. Sehingga menjadikan ilmu qirāat sebagai salah satu kajian yang langka dan asing bagi umat Islam pada zaman sekarang.¹⁰

Tidak dinafikan bahawa orang-orang yang mempelajari dan faham akan ilmu qirāat memang masih ada kewujudannya di pelbagai wilayah. Bahkan, beberapa tempat tertentu justeru sudah dikenal sebagai pusat pengajian ilmu qirāat, seperti Syubra di Kaherah dan lainnya. Namun, juga tidak dapat diingkari bahawa masih banyak individu muslim yang belum memahami atau bahkan mengetahui ilmu tersebut. Terutama seperti di kampung dan daerah-daerah yang jauh daripada bandar atau pusat pendidikan. Sehingga tidak mengherankan jika ramai orang di wilayah tertentu masih sangat buta terhadap ilmu qirāat. Hal itu sangat jauh berbeza dengan beberapa kajian keislaman lainnya seperti fekah dan hadith yang sudah popular bagi majoriti *umat* Islam. Di mana ramai yang pernah mendengar dan mengenal dengan baik nama-nama seperti imam al-Nawawi, al-Ghazali, al-Bukhari, Muslim dan lainnya. Manakala nama-

⁹ Anwar Sadat, 'Fardhu Kifayah: Sebuah Analisa Pemikiran Hukum Prof. K.H Ali Yafie', *Jurnal Hukum Diktum*, 9.2 (2011), 135.

¹⁰ Muhammad al-Thahir bin 'Ashur al-Tunisi, *Al-Tahrir Wa Al-Tanwir* (Tunis: al-Dar al-Tunisiyah, 1984) 1, 63.

nama seperti imam Nafi', Hamzah Abu Ja'far dan sebagainya, ramai yang belum mengetahui atau bahkan belum pernah mendegarnya.

Oleh itu, pengajian ilmu qirāat di era moden ini mempunyai kepentingan yang sangat besar untuk menghidupkan kembali kajian tersebut serta menyelamatkannya daripada jurang kepupusan. Kerana dengan menghidupkan ilmu qirāat, itu bermakna menghidupkan dan menyelamatkan bahagian penting daripada al-Qur'an. Dan membiarkan kepupusan tersebut adalah merelakan kehilangan sebahagian darinya serta mengubur khazanah-khazanah yang terdapat di dalamnya. Jika menghidupkan dan menjaga hadith-hadith Rasulullah S.A.W adalah perkara yang sangat dianjurkan dan dicintai oleh Allah S.W.T, lantas bagaimana dengan melestarikan dan memelihara bahagian utama dari firman Allah itu sendiri.

4.3 Sumber Penting Bagi Ilmu Tafsir

Ilmu qirāat mempunyai ikatan yang sangat erat dengan ilmu tafsir. Di mana kajian dalam ilmu qirāat berfokus kepada lafaz-lafaz al-Qur'an, manakala ilmu tafsir mengkaji makna-makna atau pemahaman mengenai lafaz tersebut. Ilmu qirāat adalah keperluan asas yang tidak dapat dipisahkan saat menjalankan satu kajian tafsir, bahkan sebahagian ulama telah menjadikannya sebagai syarat wajib bagi tiap-tiap *mufasssir* yang ingin menguraikan maksud dari ayat-ayat al-Qur'an.¹¹ Hal berkenaan berlaku kerana setiap perbezaan dan kepelbagaian lafaz dalam al-Qur'an (qirāat), akan memberikan maksud tersendiri yang berbeza dengan lafaz lainnya. Bahkan, perbezaan pada harakat sahaja juga dapat membawa kepada pemahaman yang berlainan. Kerana itu, imam Ibnu al-Jazari dalam kitab al-Naysr mengatakan bahawa perbezaan antara satu qirāat dengan qirāat lainnya adalah bagaikan perbezaan antara satu ayat dengan lainnya.¹²

Kewujudan qirāat akan memberikan manfaat yang amat besar bagi para *mufasssir*, ianya dapat membantu memahami ayat-ayat al-Qur'an secara lebih terarah dan absah. Dan berpegangan dengan qirāat juga akan menjamin seorang *mufasssir* dari kesalahan penafsiran yang tidak dimaksudkan dalam perkataan tersebut. Di samping itu, penafsiran al-Qur'an dengan ilmu qirāat juga termasuk kepada bahagian *Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an* iaitu penafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an itu sendiri, yang mana ia adalah derajat tertinggi dari sesebuah tafsir.¹³

¹¹ Jalaluddin al-Suyuti, *Al-Itqan fi al-Ulum al-Qur'an*, ed. Mohammad Abu al-Fadhl Ibrahim (Kaherah: General Egyptian Book Organization, 1974) 4, 215.

¹² Syamsuddin Abu al-Khair Ibnu al-Jazari, *Al-Nasyr fi al-Qirāat al-Asyr*, ed. Ali Muhammad ad-Dhabba' (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t) 2, 52.

¹³ Bazmoul, *Al-Qirāat Wa Atharuha fi al-Tafsir Wa al-Ahkam*, 304.

Antara kitab-kitab Tafsir yang berpegangan kepada ilmu qirāat adalah seperti *Tafsir al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* karya al-Imam al-Qurtubi, kitab *Ahkam al-Qur'an* karya Ibnu al-'Arabi, kitab *Ahkam al-Qur'an* karya al-Jassas dan kitab *Zad al-Muyassar fi 'Ilmi al-Tafsir* karya Ibnu al-Jawzi dan lain-lain. Adapun contoh penggunaan qirāat dalam penafsiran al-Qur'an ialah seperti firman Allah S.W.T yang berbunyi:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Maksudnya: Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka. Dan mereka pula akan memperoleh azab siksa yang perih dengan sebab mereka berdusta.¹⁴

Pada perkataan *يَكْذِبُونَ* Imam Abu Ja'far, Nafi', Abu 'Amr, Ibnu Kathir, Ibn 'Amir dan Ya'qub membaca dengan huruf *ya'* berbaris di hadapan, *kaf* baris atas dan sabdu huruf *dzhal*. Manakala Imam 'Asim, Hamzah, al-Kisa'i dan Khalaf membaca dengan huruf *ya'* berbaris atas, *kaf* sukun dan takhfif *dzhal*. Qirāat pertama bermaksud bahawa mereka golongan orang-orang munafik berhak mendapatkan azab pedih dengan sebab pendustaan mereka terhadap Rasulullah S.A.W. Manakala maksud dari qirāat kedua ialah mereka berhak mendapatkan azab kerana Islam dan iman mereka hanyalah secara zahir sahaja sedangkan batin mereka adalah kufur. Hasilnya, jelas bahawa kedua-dua bacaan telah meluaskan makna penafsiran ayat antara satu sama lain yang sekaligus mendedahkan pelbagai sifat keji golongan munafik.¹⁵

Kedudukan ilmu qirāat dalam penafsiran al-Qur'an dapat dibahagikan kepada tiga macam bentuk. Pertama, kepelbagaian qirāat tersebut akan berfungsi bagi memperjelas makna dari ayat-ayat yang masih sukar untuk difahami. Kedua, ia juga berguna bagi memperluas maksud dari ayat-ayat yang masih bermakna sempit. Dan ketiga, ia dapat memberikan perincian makna terhadap ayat-ayat yang masih berlafaz umum/global.¹⁶

Oleh itu, pengajian ilmu qirāat perlu dikekalkan dan dilestarikan di era moden ini terutama dalam kalangan penuntut, pengkaji dan ahli-ahli keagamaan. Sehingga ia dapat membantu memahami makna ayat dengan lebih baik dan menjadi kayu ukur yang melindungi al-Qur'an dari kesalahan penafsiran.

¹⁴ Surah al-Baqarah: Ayat 10.

¹⁵ Abdul Fattah Al-Qadhi, *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qirāat al-Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah* (Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1981) 1, 21.

¹⁶ Bazmoul, *Al-Qirāat Wa Atharuha fi al-Tafsir Wa al-Ahkam*, 318.

4.4 Pedoman *Istinbath* Hukum Dalam Ilmu Fekah

Tidak hanya *mufassirin* yang menjadikan ilmu qirāat sebagai rujukan saat menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an, namun para *fuqaha'* juga sangat bergantung kepada ilmu tersebut dalam proses *istinbath* (menyimpulkan) sesebuah hukum syara' yang akan dikeluarkan. Hal itu kerana setiap kepelbagaian lafaz dalam qirāat akan membawa makna dan maksud tersendiri, sehingga natijah hukum yang disimpulkan oleh setiap *fuqaha* juga akan berbeza-beza mengikut kepada qirāat yang disandarkan. Hakikat ini terbukti apabila kita mengamati sebahagian kitab hukum syariat Islam atau kitab usul fiqh seperti kitab *Fiqh Mazhab al-Syafie Hasyiah al-Bujairimi 'ala al-Khatib, Mafatih al-Usul* dan *Syarah al-Fiqh al-Akbar* karya al-Qari.

Perbezaan lafaz dalam qirāat bagi para *fuqaha* mempunyai ikatan dan peranan yang sangat erat dalam penerbitan sesebuah hukum. Bahkan bukan perbezaan dalam qirāat mutawatir sahaja, namun qirāat syaddzah juga terkadang digunakan sebagai landasan dalam berijtihad. Itu kerana kepelbagaian atau ikhtilaf dalam qirāat dapat mengukuhkan hukum yang telah disepakati (ijma') oleh para ulama atau mentarjih hukum yang diperselisihkan. Kemudian ia juga dapat menghimpun dua hukum yang berselisih, membawa dua hukum syara' dalam satu ayat yang sama dan menjelaskan suatu hukum dalam ayat yang berselisih dengan makna zahirnya. Selain itu, ikhtilaf tersebut juga dapat berperan sebagai penterjemah terhadap suatu lafaz yang sukar difahami maknanya dan dapat menjadi *hujjah* ulama bagi memperkuat pendapat mereka.¹⁷

Imam al-Qistilani dalam karangannya *Ithaf Fudhala al-Basyar bi al-Qirāati al-'Arbaati al-'Asyar* menyatakan: “Para ulama beristinbhat (menyimpulkan) makna yang berbeza-beza dari setiap perbezaan bacaan yang dibaca oleh seorang qari. Maka, qirāat adalah *hujjah* (dalil) bagi para *fuqaha* dalam menyimpulkan sesebuah hukum. Sepertimana ia juga merupakan pedoman bagi mereka untuk berjalan diatas kebenaran”.¹⁸ Contohnya ialah seperti Firman Allah S.W.T:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu

¹⁷ Shamsul Kamar, M. Z., A. Adi, M. F., Saad, S., Muhammad Radhi, H., & Arifin Md Tahir, M. Z., 'Relevansi Qirāat dan Implikasinya Terhadap Hukum Fiqh: Satu Pengenalan', *Qirāat: Jurnal al-Qur'an dan Isu-Isu kontemporari*, 4.1 (2021), 29.

¹⁸ Ahmad bin Muhammad bin Abdel Ghani al-Dimyathi, *Ithaf Fudhala al-Basyar bi al-Qirāati al-'Arbaati al-'Asyar*, ed. Anas Mahra (Beirut: Dar al-Kutub al-ilmiiyyah, 2006), 6.

hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana”.¹⁹

Semua imam qirāat mutawatirah membaca ayat tersebut seperti mana teks ayat di atas. Manakala diriwayatkan pula bahawa Ibnu Mas'ud R.A membaca dengan:

وَالسَّارِقُونَ وَالسَّارِقَاتُ فَاقْطَعُوا أَيْمَانَهُمْ

Melalui bacaan qirāat pertama iaitu qirāat 'asyarah mutawatirah memberi maksud bahawa tiada penentuan yang jelas tangan yang mana hendak dipotong bagi pencuri yang disabitkan kesalahan. Bahkan diperintahkan secara mutlak dengan menyebut perkataan tangan sahaja. Manakala melalui qirāat Ibnu Mas'ud (qirāat syadz) dengan jelas menyatakan bahawa tangan yang hendak dipotong ialah tangan kanan.²⁰

Hukum yang diguna pakai melalui qirāat ini telah dihukumkan sebagai sahih di sisi ulama. Para ulama bersepakat bahawa sesiapa yang mencuri, maka akan dipotong tangan kanannya. Pendapat tersebut juga disokong oleh Ibnu Qudamah yang turut berdalilkan qirāat Ibnu Mas'ud dan disokong pula dengan periwayatan daripada Abu Bakr al-Siddiq yang menyatakan bahawa dimulai memotong tangan kanan pencuri.²¹

Dengan demikian, pengajian ilmu qirāat harus dijaga dan dikekalkan agar terhindar dari kepupusan. Kewujudannya sangat diperlukan oleh para ahli fekah dalam menyimpulkan sesebuah hukum syara'. Kerana kepupusan qirāat akan menghilangkan satu pedoman utama bagi para *fuqaha* dan mempersulit mereka dalam memecahkan sebahagian perkara ugama

4.5 Rujukan Dan Pemeliharaan Bagi Ilmu Bahasa

Allah S.W.T menurunkan al-Qur'an al-Karim kepada baginda Rasul S.A.W menggunakan bahasa Arab yang disertai dengan kepelbagaian lafaz dan cara baca (*Ahruf Sab'ah*). Atau dikenali pada zaman ini dengan kajian ilmu qirāat. Penggunaan bahasa Arab dalam al-Qur'an yang merupakan kitab suci serta mukjizat bagi umat Islam telah menjadikannya sebagai bahasa yang istimewa. Hal itu kerana al-Qur'an dapat membuat kagum semua individu dengan keindahan perkataan yang ada di dalamnya. Para penyair dan ahli-ahli bahasa dari pelbagai kaum tersohor pun terdiam tak tertandingi dengan kesempurnaan bahasa yang ada pada al-Qur'an. Bahkan, tidak

¹⁹ Surah al-Maidah: Ayat 38.

²⁰ Mahmud bin Amru bin Ahmad al-Zamakhsyari, *Al-Kassyaf 'An Haqiq Ghawamidh al-Tanzil* (Beirut: Darul Kitab al-Arabi, 1987) 1, 632.

²¹ Muhammad bin Ahmad al-Anshari al-Qurtubi, *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an* (Kaherah: Darul Kutub al-Mishriyyah, 1964) 6, 172.

sedikit yang menganggapnya sebagai sihir kerana telah melampaui keindahan dan kesempurnaan dialek manusia.²²

Al-Qur'an dengan kepelbagaian lafaznya adalah sumber dan rujukan bagi bahasa Arab beserta cabang-cabang keilmuannya. Kehadiran al-Qur'an telah melahirkan pelbagai cabang ilmu bahasa yang tidak pernah diperbincangkan sebelumnya. Bahkan, bahasa Arab itu sendiri tidak mendapatkan perhatian dan derajat yang istimewa dalam kalangan umat terdahulu melainkan setelah rasmi menjadi bahagian daripada al-Qur'an. Kedatangannya merupakan sejarah penting bagi bahasa Arab. Ia dipilih sebagai bahasa wahyu dan bahasa agama sehingga seluruh umat Islam di dunia terdorong untuk mempelajarinya. Kewujudan al-Qur'an juga telah menarik perhatian para ahli untuk mengkaji keindahan bahasa dan khazanah sastra yang tersirat dalam susunan perkataannya, sehingga tidak sedikit yang cuba menyelidiki keindahan dan kesempurnaan bahasa al-Qur'an dari pelbagai aspek.²³

Namun, dorongan dan minat terhadap pembelajaran bahasa pada dasarnya bukan semata-mata kerana mereka ingin mempelajari bahasa Arab secara lebih dalam. Akan tetapi, ianya adalah timbul kerana rasa ingin mengetahui dan mendalami terhadap perkara agama yang terkandung dalam al-Qur'an. Di mana kaum muslimin dan para ahli-ahli mengkaji ilmu bahasa sebagai satu bentuk kepedulian dan perkhidmatan serta *wasilah* terhadap agama Allah S.W.T. Hal itu dapat diperhatikan kepada realiti yang terjadi dalam sejarah perkembangan bahasa, yang mana banyak daripada ilmu-ilmu yang berkenaan baru mulai dibentuk dan dikaji setelah datangnya al-Qur'an. Seperti ilmu Nahwu, Sharf, Bayan, Ma'ani, Badi', I'rab, Dhabt dan lainnya. Sa'id al-Afghani mengatakan: "*al-Qur'an dan Qirāat adalah nash yang sahih serta dalil yang telah disepakati oleh ulama bagi ilmu bahasa, nahwu, sharf dan balaghah. Al-Qur'an dan Qirāat sampai kepada kita dengan sanad yang sahih dan ia merupakan dalil yang tak tertandingi*".²⁴

Perkara ini membuktikan bahawa kajian-kajian dalam bahasa Arab bersumber daripada kesempurnaan bahasa al-Qur'an. Ianya adalah rujukan ilmu bahasa yang tidak pernah habis akan kekayaan dan khazanahnya. Semenjak dahulu al-Qur'an telah diselediki dari pelbagai aspek bahasa, namun penyelidikan tersebut masih berkesinambungan sampai kepada era moden ini tanpa terhada oleh masa. Selain itu, perkara ini juga memperlihatkan bahawa kehadiran al-Qur'an dan ilmu qirāat telah menghidupkan ilmu bahasa dari ketiadaan serta menyelamatkan bahasa arab itu sendiri

²² Mohammad Aman, 'Bahasa Arab dan Bahasa al-Qur'an', *Tadarus Tarbawy*, 3.1 (2021), 306.

²³ Al-Qattan, *Mabahith fi Ulum al-Qur'an*, 265.

²⁴ Said al-Afghani, *Fi Ushul al-Nahwi* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1987), 28.

dari lembah kepupusan. Seandainya bukan kerana kedatangan al-Qur'an, maka tiada kewujudan bagi ilmu bahasa dan tiada jaminan kekekalan bagi bahasa Arab.

Oleh itu, ilmu qirāat yang merupakan inti daripada al-Qur'an serta kepelbagainnya telah membawa kepada kekayaan dan keindahan lafaznya. Tidak diragukan lagi bahawa ia mesti terus dipelihara dan dikekalkan dengan sempurna di era moden ini. Kerana kekekalan ilmu qirāat akan memelihara unsur terpenting daripada al-Qur'an dan bahasa Arab. Manakala kepupusannya juga merupakan satu ancaman nyata bagi al-Qur'an sendiri dan bagi kajian-kajian ilmu bahasa Arab.

4.6 Menjaga Keaslian Al-Qur'an Dan Kesenambungannya

Sejak dahulu para ulama telah memberikan perhatian khusus terhadap ilmu qirāat. Ia adalah satu ilmu yang mendapatkan kedudukan istimewa dalam pengajian Islam. Meskipun kajiannya dalam beberapa abad terakhir sempat mengalami kemunduran, namun keistimewaan ilmu tersebut masih kekal seperti sedia kala.

Kepedulian yang tinggi para ulama terhadap ilmu qirāat dapat dilihat dari pelbagai aspek, antaranya ialah pemeliharaan terhadap sanad. Sanad berasal dari perkataan bahasa arab yang bermaksud berteleku, bersandar atau menyandarkan. Istilah sanad dalam ilmu qirāat dikenali sebagai jalan atau salasilah bacaan al-Qur'an tertentu yang bersambung kepada Rasulullah S.A.W.²⁵ Para ulama amat menitikberatkan sanad dalam pengajian qirāat kerana ia merupakan satu-satunya cara untuk mengetahui kebenaran dan kesahihan terhadap bacaan al-Qur'an. Ia mempunyai peranan penting bagi mengenalpasti bahawa sesebuah bacaan al-Qur'an adalah bertepatan dengan apa yang diajarkan oleh Baginda S.A.W dan tidak mengalami pengubahsuaian ataupun pemalsuan.

Kepedulian para ulama terhadap sanad dalam ilmu qirāat melebihi kepedulian mereka terhadap sanad ilmu-ilmu lainnya dalam pengajian Islam. Hal tersebut dapat dilihat dengan jelas di mana sanad dalam kajian hadith, fikih dan ilmu lainnya sangat mudah untuk diberikan. Bahkan, cukup dengan mendengar atau hadir dalam majelis maka ijazah sanad boleh diterima oleh murid. Manakala sanad dalam ilmu qirāat tidak diberikan kecuali murid dianggap layak untuk menerima ijazah tersebut. Para murid diwajibkan mempelajari dan menghafaz al-Qur'an dengan penuh di hadapan gurunya (*talaqqi*), menguasai kaedah bacaan dan mempraktikkannya secara sempurna maka

²⁵ Abdul Ali al-Mas'ul, *Mu'jam Musthalahat Ilmi al-Qirāat al-Qur'aniyyah* (Kaherah: Darussalam, 2007), 233.

barulah sanad tersebut boleh dianugerahkan. Malahan sebahagian guru menambahkan beberapa syarat lain untuk memperketat pemberiannya.²⁶

Peraturan ketat pada pemberian sanad qirāat adalah kerana ianya dalam pandangan ulama tidak boleh diberikan secara serta merta dan mudah sampai seseorang murid benar-benar layak untuk mendapatkannya. Itu bertujuan supaya bacaan al-Qur'an yang merupakan *kalamullah* dapat terpelihara keasliannya dengan maksimal serta terhindar dari segala upaya-upaya pengubahsuaian dan pemalsuannya. Terlebih-lebih lagi pada era moden ini, di mana teknologi canggih dapat dimanipulasikan oleh sesiapa sahaja untuk merosakkan akidah umat Islam. Sehingga wujudnya al-Quran dan surah palsu yang tersebar di internet, terhasilnya aplikasi al-Qur'an dengan ayat yang tidak lengkap dan tafsir-tafsir di internet yang tidak diketahui kesahihannya.²⁷

Maka, tidak ada satu alasan yang kuat untuk tidak mengekalkan pengajian ilmu qirāat pada era moden ini. Kerana dalam ilmu qirāat terdapat sanad atau salasilah yang berkesinambungan sampai kepada Rasulullah S.A.W. Yang mana ia akan selalu menjadi kayu ukur bagi menjaga keabsahan dan keaslian bacaan al-Qur'an sampai hari kiamat kelak. Pengajian dalam bidang qirāat juga akan memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa setiap ayat yang dibaca adalah bertepatan dengan bacaan Rasulullah S.A.W. Walaupun kemajuan teknologi yang semakin canggih dalam pengajian al-Qur'an, namun ia belum mampu menjadi guru yang sempurna untuk mengajar bacaan al-Qur'an secara tepat dan sahih. Malahan ia menjadi satu alat yang dipergunakan oleh musuh Islam untuk cuba menyelewengkan kebenaran al-Qur'an.

4.7 Unsur Utama Dalam Percetakan Mushaf al-Qur'an

Penerbitan mushaf al-Qur'an tumbuh dengan sangat signifikan saat ditemukannya mesin cetak di eropa pada abad ke-15 Masihi.²⁸ Namun, pergerakan itu pada awalnya mendapat banyak penolakan dari *umat* Islam kerana tidak memenuhi *standard* dan kaedah dalam penulisan al-Qur'an. Hal berkenaan berlaku sehingga dicetak sebuah mushaf di Mesir pada tahun 1890 Masihi yang diperhalusi oleh Syeikh Ridhwan bin Muhammad al-Mukhallilati atau dikenali dengan mushaf al-Mukhallilati. Mushaf tersebut diterbitkan dengan kaedah rasm usmani dan tanda-tanda yang merujuk kepada kitab *al-Muqni'* karya imam al-Dani dan kitab *al-Tanzil* karya Imam Abu Daud.

²⁶ Mahmoud Shafwat Salim, *Fathu Rabb al-Bariyyah Fi Syarhi al-Muqaddimah Ibnu al-Jazariyyah Fi Ilmi al-tajwid* (Jeddah: Dar Nurul Maktabat, 2003), 130.

²⁷ Redha bin Mohamad, Muhammad Zaid bin Shamsul Kamar, Shaharuddin bin Saas, 'Kepentingan Sanad Dalam Menjaga Keaslian al-Qur'an', *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith* (Selangor: 2018), 96.

²⁸ Muhammad Salim bin Syadid al-Aufi, *Kitabat al-Mushaf al-Sharif wa Thiba'atuhu* (Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba'at al-Mushaf al-Sharif, 2003), 55.

Berikutan dengan itu, ulama-ulama al-Azhar di masa tersebut juga membentuk satu kumpulan pakar dalam bidang penulisan al-Qur'an untuk mengawal penerbitan mushaf. Yang mana kumpulan itu dikenali dengan istilah lajnah pentashih al-Qur'an.²⁹

Kemunculan mushaf al-Mukhallilati dan pembentukan lajnah pentashih al-Qur'an menjadi *role model* bagi percetakan mushaf di negara-negara Islam. Ia terus berkembang dan mendapat banyak perhatian dari pelbagai kalangan. Bahkan pada era moden ini, setiap percetakan melakukan penerbitan dengan keistimewanya masing-masing. Mereka berusaha dan berlumba-lumba mengelokkan mushaf yang diterbitkan, sehingga melahirkan mushaf al-Qur'an dengan pelbagai jenis reka bentuk serta beraneka warna dan ukuran sepertimana yang kita lihat pada realiti sekarang.³⁰ Namun demikian, kesilapan dalam kaedah penulisan al-Qur'an tidak jarang didapati. Hal tersebut kerana mentashih al-Qur'an bukanlah satu tugas yang mudah, ianya memerlukan kepada ketelitian dan kecermatan yang tinggi dari seseorang pentashih. Mereka juga dituntut memiliki kemahiran dan penguasaan terhadap pelbagai ilmu yang berkenaan dengan penulisan al-Qur'an seperti ilmu Rasm, Dhabt, 'Addul Ayat, Waqf, Ibtida' dan ilmu qirāat.³¹

Banyak yang tidak menyadari bahawa ilmu qirāat mempunyai peranan besar dalam penerbitan mushaf al-Qur'an. Bahkan ia adalah unsur pertama yang mesti dirujuk oleh penulis dan penerbit mushaf. Kerana setiap perkataan yang tercantum di dalam al-Qur'an adalah amanah serta tanggung jawab kepada Allah S.W.T dan seluruh umat Islam. Penulisannya wajib mengikut kepada salah satu bacaan qirāat mutawatirah yang telah disepakati oleh ulama. Bersamaan dengan itu, ia juga harus dijalankan dengan penuh kehati-hatian supaya terhindar dari kesalahan. Sebab al-Qur'an merupakan wahyu daripada Allah ta'ala dan kesilapan dalam penulisannya adalah satu kesalahan besar.³² Ketergantungan penulisan al-Qur'an terhadap ilmu qirāat, dapat dilihat secara jelas pada salah satu muka surat dalam mushaf. Yang mana pada lazimnya setiap mushaf al-Qur'an yang diterbitkan akan menjelaskan secara terperinci mengenai bacaan, tanda baca, wakaf, ayat dan kaedah-kaedah lain yang dipergunakan dalam mushaf tersebut. Penjelasan berkenaan biasanya ditulis pada muka surat dengan tajuk *Ta'rif Hadza al-Mushaf al-Syarif* iaitu pengenalan mengenai mushaf ini atau terkadang juga langsung diberi tajuk *Riwayat Hadza al-Mushaf*. Contohnya ialah seperti:

²⁹ Al-Aufi, *Kitabat al-Mushaf al-Sharif wa Thiba'atuhu*, 69-71.

³⁰ Hamam Faizin, *Sejarah Pencetakan al-Qur'an* (Yogyakarta: Era Baru Pressindo, 2012), 159.

³¹ Lajnah Pentashihan Mushaf al-Qur'an (LPMQ), *Tanya Jawab Tentang Mushaf al-Qur'an Standar Indonesia Dan Layanan Pentashihan* (Jakarta: Lajnah Pentashihan Mushaf al-Qur'an Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama Republik Indonesia, 2019), 4.

³² Muhyiddin bin Sharif al-Nawawi, *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab* (Kaherah: Idarah al-Thiba'ah al-Munirah, 1928) 2, 71.

كُتِبَ هَذَا الْمُصْحَفُ وَضُبُّهُ عَلَى مَا يُوَافِقُ رَوَايَةَ حَفْصِ بْنِ سُلَيْمَانَ ابْنِ الْمُغِيرَةَ
الْأَسَدِيِّ الْكُوفِيِّ لِقِرَاءَةِ عَاصِمِ بْنِ أَبِي النَّجُودِ الْكُوفِيِّ التَّابِعِيِّ..... إلخ

Al-Qur'an ini ditulis mengikut kepada riwayat Hafsa bin Sulaiman bin al-Mughirah al-Asadi al-Kufi dari qirāat gurunya Imam 'Ashim bin Abi al-Najud al-Kufi yang merupakan seorang tabi'in..... dan seterusnya.³³

Dalam muka surat yang mencakup pengenalan, dapat diperhatikan bahawa perkara pertama yang dikenalkan mengenai mushaf adalah riwayat yang digunakan dalam penulisan mushaf tersebut. Itu menunjukkan bahawa dalam penulisan al-Qur'an, ilmu qirāat adalah unsur pertama yang mesti dirujuk oleh seseorang penulis atau penerbit mushaf.

Selain itu, ilmu qirāat secara tidak langsung juga mempunyai ikatan erat dengan pelbagai ilmu yang diguna pakai dalam penulisan al-Qur'an. Contohnya ilmu Rasm yang mempelajari kaedah-kaedah penulisan perkataan dalam al-Qur'an.³⁴ Ilmu Rasm pada dasarnya merupakan kaedah penulisan yang lahir daripada kepelbagaian qirāat yang diajarkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Ia dicetuskan oleh Usman bin Affan untuk mempersatukan umat dengan kepelbagaian qirāatnya dalam satu tulisan mushaf al-Qur'an. Kemudian mushaf tersebut dijadikan rujukan bagi bacaan masyarakat Islam.³⁵ Sehingga pada akhirnya ilmu rasm menjadi satu syarat diterimanya sesebuah bacaan al-Qur'an. Namun, jika melihat kepada realiti sejarah bahawa tanpa adanya ilmu qirāat sudah tentu tidak akan lahir ilmu rasm. Dan Rasm al-Qur'an sendiri juga tidak dapat dibaca secara berkesesuaian dengan bacaan Baginda S.A.W tanpa adanya ilmu qirāat. Contoh sederhana yang dapat diambil ialah seperti firman Allah ta'ala:

ملك يوم الدين³⁶

Perkataan ملك jika tidak didasari oleh ilmu qirāat, maka boleh sahaja dibaca *malaka*, *malika* atau cara lainnya yang tidak menyelisih kaedah bahasa Arab. Namun, kerana ianya adalah al-Qur'an *kalamullah* maka ia mesti didasari oleh riwayat yang mutawatir. Sehingga perkataan tersebut hanya boleh dibaca dengan dua cara iaitu dengan *hazful alif maliki* dan *isbatul alif māliki*. Begitu juga dengan firman Allah S.W.T dalam surat Ali Imran:

³³ Boleh rujuk ke pelbagai mushaf. Antaranya mushaf Madinah cetakan 1429 Hijri atau 2008 Masihi pada muka surat alif setelah surah al-Nass.

³⁴ Al-Mas'ul, *Mu'jam Musthalahat Ilmi al-Qirāat*, 219.

³⁵ Al-Suyuti, *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*, 1, 209.

³⁶ Surah al-Fatihah: Ayat 4.

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ³⁷

Perkataan *وسارعوا* dalam mushaf penduduk Madinah dan Syam di tulis tanpa huruf *waw*, manakala dalam mushaf-mushaf lainnya ditulis dengan huruf *waw* (seperti di atas). Dalam kajian qirāat, imam Nafi', Ibnu 'Amir dan Abu Ja'far membaca perkataan tersebut tanpa huruf *waw* iaitu bertepatan dengan kaedah penulisan yang diamalkan dalam mushaf Madinah dan Syam. Manakala qari lainnya membaca perkataan tersebut dengan menambah huruf *waw* di awal yang bertepatan dengan cara penulisan dalam mushaf-mushaf lain. Perkataan tersebut ditulis dengan dua cara yang berbeza dalam mushaf yang berbeza adalah dipraktikkan agar ianya bertepatan dengan gaya bacaan qirāat yang diamalkan. Kerana jika ditulis dengan satu cara sahaja, maka sudah tentu ia akan menghilangkan satu qirāat lainnya.³⁸

Dalam perbincangan ini, penulis hanya menjelaskan hubungan qirāat dengan ilmu rasm sahaja tanpa menyebutkan hubungannya dengan ilmu lain secara lebih spesifik seperti ilmu Dhabt, 'Addul Ayat, Waqf dan Ibtida. Hal tersebut sekadar memberikan contoh untuk memperjelas perbincangan pada bab ini. Adapun pemilihan ilmu rasm kerana ia merupakan bahagian utama dalam penulisan al-Qur'an berbanding ilmu lainnya. Bahkan, Syeikh Usman Thaha seorang penulis mushaf Madinah menjadikan penulisan rasm sebagai bahagian pertama yang beliau selesaikan sebelum menambahkan harakat, dhabt dan sebagainya. Yang memberi bukti akan keutamaan ilmu rasm.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa ilmu qirāat adalah satu unsur penting dalam penerbitan mushaf di era moden ini. Ia adalah rujukan utama dalam menulis al-Qur'an, bahkan ia juga mempunyai ikatan kuat dengan pelbagai ilmu lain yang berkenaan dengan penulisan al-Qur'an secara tidak langsung. Sama ada ilmu Rasm, Dhabt, 'Addul Ayat, Waqf dan Ibtida atau lainnya.

4.8 Menjawab Tuduhan Dan Cabaran Musuh-Musuh Islam

Pengajian ilmu qirāat di era moden mempunyai kepentingan tersendiri selain daripada hal-hal yang telah disebutkan sebelumnya. Ia berfungsi sebagai jawapan dan sanggahan atas setiap tuduhan yang ditujukan oleh musuh-musuh Islam terhadap al-Qur'an. Yang mana sudah menjadi *sunnatullah* bahawa mereka tidak akan pernah ridha kepada Islam sampai umat ini mengikutinya.

³⁷ Surah Ali Imran: Ayat 33.

³⁸ Usman bin Saed bin Usman al-Dani, *Al-Muqni' Fi Rasmi Mashahif al-Amshar*, ed. Muhammad Shadiq Qamhawi (Kaherah: Maktabah Kulliyat al-Azhariyyah, t.t), 106.

Di era moden ini, kelompok orientalis merupakan kelompok yang paling ramai mencabar dan meragukan keabsahan al-Qur'an, termasuk cabaran terhadap kepelbagaian bacaan yang ada di dalamnya iaitu ilmu qirāat. Antara orientalis tersebut ialah Goldziher seorang pengkaji Islam berbangsa Yahudi dari Hungary. Ia berpandangan bahawa ilmu qirāat atau kepelbagaian bacaan dalam al-Qur'an, bukan satu ilmu yang diturunkan daripada Allah dan Rasul-Nya. Namun, kepelbagaian itu tercipta kerana kedudukan mushaf Usmani yang sama sekali tidak memiliki tanda baca, sehingga para sahabat membaca perkataan-perkataan dalam al-Qur'an mengikut kepada apa yang mereka kehendaki.³⁹

Pandangan tersebut telah disanggah oleh para ulama. Ia tidak dapat dijadikan hujjah kerana kepelbagaian dalam bacaan al-Qur'an sudah lahir jauh sebelum kewujudan mushaf Usmani. Rasulullah S.A.W telah membaca kepelbagaian tersebut di hadapan Jibril, kemudian para sahabat juga membaca hal yang sama secara bersemuka dan *musyafahah*⁴⁰ di hadapan Baginda S.A.W. Yang menunjukkan bahawa pembelajaran dan pengajian tentang ilmu qirāat sudah bermula sejak kedatangan Jibril menghantarkan wahyu kepada Nabi S.A.W. Dan peristiwa berkenaan terjadi sebelum penulisan mushaf pada masa kekhalifahan Usman bin Affan.

Bahkan jika melihat kepada realiti sejarah, justeru mushaf Usmani lahir kerana adanya kepelbagaian bacaan dalam al-Qur'an. Yang mana pada zaman Usman bin Affan perbezaan bacaan tersebut telah menimbulkan pertengkaran sampai ada yang mengkafirkan antara sesama muslim. Sehingga khalifah memandang keperluan untuk membuat satu mushaf rujukan bagi menghilangkan pertengkaran tersebut. Di samping itu, cara penulisan dalam mushaf Usmani sendiri juga bersumber dan merujuk kepada ilmu qirāat, bukan sebaliknya. Hal tersebut dapat dibuktikan dengan perkataan Usman bin Affan saat memberikan arahan kepada sahabatnya dalam penulisan mushaf. Ia berkata:

إِذَا اخْتَلَفْتُمْ أَنْتُمْ وَرَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ فِي عَرَبِيَّةٍ مِنْ عَرَبِيَّةِ الْقُرْآنِ فَارْتَبِعُوا بِلسَانِ قَرَيْشٍ،
فَإِنَّ الْقُرْآنَ أَنْزَلَ بِلسَانِهِمْ، فَفَعَلُوا.

Maksudnya: “Jika kalian berselisih pendapat pada salah satu (bahasa) Arab al-Qur'an, maka tulislah dengan bahasa Quraisy. Kerana

³⁹ Ignaz Goldziher, *Mazahib al-Tafsir al-Islami*, terj. Abdul Halim al-Najjar (Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1995), 8-9.

⁴⁰ Musyafahah bermakna dari mulut ke mulut. Maksudnya adalah penuntut mempelajari al-Qur'an dengan memerhatikan gerak bibir guru untuk mendapatkan sebutan makhraj yang betul. Ahmad Mokhtar Abdul Hamid Umar, *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'ashirah* (Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub, 2008) 2, 1219.

seseungguhnya al-Qur'an diturunkan dengan bahasa mereka. Dan mereka melaksanakannya".⁴¹

Perkataan "Berselisih" dan "Salah satu (bahasa) Arab al-Qur'an" daripada Usman bin Affan, memberikan pemahaman yang sangat jelas bahawa kepelbagaian dalam bacaan al-Qur'an atau ilmu qirāat telah wujud sebelum terciptanya mushaf. Dan perkataan "Tulislah dengan bahasa Quraisy" membuktikan bahawa mushaf pada zaman Usman ditulis atas dasar ilmu qirāat, iaitu dengan memilih bacaan Quraisy sebagai bahasa utama dalam al-Qur'an. Sehingga sangat tidak boleh diterima oleh akal bahawa kepelbagaian dalam qirāat adalah hasil daripada penulisan Mushaf Usmani yang tidak bertanda baca.

Kemudian sesebuah qirāat juga tidak dapat diperakui kebenarannya hanya dengan Rasm Usmani sahaja. Namun, harus disertai dengan sanad yang sahih dan mutawatir⁴². Sehingga tidak mungkin bagi para sahabat untuk menciptakan bacaan al-Qur'an itu secara pribadi. Kerana jika itu berlaku, maka pasti akan mendapatkan perselisihan daripada sahabat-sahabat yang lain sebab jumlah orang yang ramai tidak akan bermufakat melakukan satu kedustaan.

Dapat diperhatikan bagaimana bahayanya cabaran dan tuduhan yang ditujukan oleh musuh-musuh Islam kepada al-Qur'an, terutama terhadap ilmu qirāat. Oleh kerana itu, pengajian dan pengajaran terhadap ilmu qirāat di era moden ini harus terus dikekalkan dan dikembangkan. Ia adalah satu kepentingan besar bagi menangkal dan membela al-Qur'an dari serangan orientalis yang cuba meruntuhkan kesucian dan menanam keraguan terhadap al-Qur'an dalam jiwa umat Islam.

KESIMPULAN

Dari pelbagai uraian di atas dapat difahami bahawa pengajaran ilmu qirāat pada zaman sekarang merupakan satu hal yang penting untuk dikekalkan. Kerana sejatinya pengkekalan terhadap qirāat adalah pelestarian terhadap al-Qur'an daripada lembah kepupusan. Dan kehadirannya juga telah menjadi sumber dan rujukan utama bagi ilmu

⁴¹ Muhammad bin Ismail al-Bukhari, *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtashar min Umuri Rasulallah Shallallahu 'Alaihi Wasallam wa Sunani Ayyamihi (Sahih al-Bukhari)*, ed. Mohammad Zouhair bin Nashir al-Nashir, Kitab: Fadhail al-Qur'an (Jeddah: Dar Thawq al-Najat, 2020) 6, 182, Hadis no. 4984.

⁴² Mutawatir ialah sebuah nash yang memiliki banyak sanad dan mustahil perawinya berdusta akan hal tersebut. Sebab nash itu diriwayatkan oleh banyak orang dan disampaikan kepada banyak orang pula. Sehingga mustahil bagi para perawi dengan jumlah yang besar bermufakat untuk melakukan dusta. Muhammad Abdul Azhim al-Zarqani, *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Qur'an* (Kaherah: Isa al-Baabi al-Halabi Publisher, t.t) 1, 430.

pengajian Islam. Sehingga tidak dapat dibayangkan betapa banyak perkara yang akan musnah disebabkan oleh kepupusannya ilmu qirāat. Beberapa perbincangan di atas adalah bahagian kecil daripada sumbangan dan kepentingan pengajian qirāat pada era moden ini. Penulis meyakini bahawa masih terdapat banyak kepentingan lain yang belum disebutkan, namun harapannya semoga penulisan ini dapat mewakili bahagian kecil daripadanya. Sehingga ilmu qirāat tidak dilepas pandang begitu sahaja dalam kalangan umat Islam pada zaman sekarang dan di masa yang akan datang.

RUJUKAN/ REFERENCES

- [1] Al-Qur'an al-Karim
- [2] Al-Afghani, Said. *Fi Ushul al-Nahwi*. Beirut: Al-Maktab al-Islami, 1987.
- [3] Al-Andalusi, Abu Hayyan Muhammad bin Yousuf. *Al-Bahru al-Muhith fi al-Tafsir*. ed. Shidqi Mohammad Jamil. Beirut: Dar al-Fikr, 2000.
- [4] Al-Aufi, Muhammad Salim bin Syadid. *Kitabat al-Mushaf al-Sharif wa Thiba'atuhu*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Thiba'at al-Mushaf al-Sharif, 2003.
- [5] Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtashar min Umuri Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam wa Sunani Ayyamihi (Sahih al-Bukhari)*. ed. Mohammad Zouhair bin Nashir al-Nashir. Jeddah: Dar Thawq al-Najat, 2020.
- [6] Al-Dani, Usman bin Saed bin Usman. *Al-Muqni' Fi Rasmi Mashahif al-Amshar*. ed. Muhammad Shadiq Qamhawi. Kaherah: Maktabah Kulliyat al-Azhariyyah, t.t.
- [7] Al-Dimyati, Ahmad bin Muhammad bin Abdel Ghani. *Ithaf Fudhala al-Basyar bi al-Qirāati al-'Arbaati al-'Asyar*. ed. Anas Mahra. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2006.
- [8] Al-Jazari, Syamsuddin Abu al-Khair. *Munjid al-Muqriin Wa Mursyid al-Thalibin*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, 1999.
- [9] Al-Jazari, Syamsuddin Abu al-Khair. *Al-Nasyr fi al-Qirāat al-Asyr*. ed. Ali Muhammad al-Dhabba'. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (t.t).
- [10] Al-Mas'ul, Abdul Ali. *Mu'jam Musthalahat Ilmi al-Qirāat al-Qur'aniyyah*. Kaherah: Darussalam, 2007.

- [11] Al-Nawawi, Muhyiddin bin Sharif. *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Kaherah: Idarah al-Thiba'ah al-Munirah, 1928.
- [12] Al-Qadhi, Abdul Fattah. *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qirāat al-Asyr al-Mutawatirah min Tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, 1981.
- [13] Al-Qattan, Manna' bin Khalil. *Mabahith fi Ulum al-Qur'an*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 2000.
- [14] Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Anshari. *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Darul Kutub al-Mishriyyah, 1964.
- [15] Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr. *Mukhtar al-Shihhah*. ed. Yousuf Syeikh Mohammad. Beirut: al-Maktabah al-Ashriyyah, 2000.
- [16] Al-Suyuti, Jalaluddin. *Al-Itqan fi al-Ulum al-Qur'an*. ed. Mohammad Abu al-Fadhl Ibrahim. Kaherah: General Egyptian Book Organization, 1974.
- [17] Al-Syaibani, Ibnu al-Athir Al-Mubarak bin Muhammad. *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith*. ed. Thahir Ahmad al-Zawi, Mahmud Muhammad al-Thanahi. Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah, 1979.
- [18] Al-Tunisi, Muhammad al-Thahir bin 'Ashur. *Al-Tahrir wa Al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah, 1984.
- [19] Al-Zamakhsyari, Mahmud bin Amru bin Ahmad. *Al-Kassyaf 'An Haqaiq Ghawamidh al-Tanzil*. Beirut: Darul Kitab al-Arabi, 1987.
- [20] Al-Zarkasyi, Badruddin. *Al-Burhan fi Ulum al-Qur'an*. ed. Mohammad Abu al-Fadhl Ibrahim. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, 1957.
- [21] Al-Zarqani, Muhammad Abdul Azhim. *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Isa al-Baabi al-Halabi Publisher, t.t.
- [22] Aman, Mohammad. Bahasa Arab dan Bahasa al-Qur'an. *Tadarus Tarbawy*. 3 (1), 2021.
- [23] Bazmoul, Muhammad bin Umar bin Salim. *Al-Qirāat wa Atharuha fi al-Tafsir wa al-Ahkam*. Makkah: Fakultas Dakwah dan Usuluddin Universiti Ummul Qura, 1993.
- [24] Faizin, Hamam. *Sejarah Pencetakan al-Qur'an*. Yogyakarta: Era Baru Pressindo, 2012.

- [25] Goldziher, Ignaz. *Mazahib al-Tafsir al-Islami*. terj. Abdul Halim al-Najjar. Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1995.
- [26] Lajnah Pentashihan Mushaf al-Qur'an (LPMQ). *Tanya Jawab Tentang Mushaf al-Qur'an Standar Indonesia Dan Layanan Pentashihan*. Jakarta: Lajnah Pentashihan Mushaf al-Qur'an Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama Republik Indonesia, 2019.
- [27] Mohamad, Redha bin Mohamad. Muhammad Zaid bin Shamsul Kamar. Shahrudin bin Saas. Kepentingan Sanad Dalam Menjaga Keaslian al-Qur'an. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith*. Selangor, 2018.
- [28] Sadat, Anwar. Fardhu Kifayah (Sebuah Analisa Pemikiran Hukum Prof KH Ali Yafie). *Jurnal Hukum Diktum*. 9 (2), 2011.
- [29] Salim, Mahmoud Shafwat. *Fathu Rabb al-Bariyyah Fi Syarhi al-Muqaddimah Ibnu al-Jazariyyah Fi Ilmi al-Tajwid*. Jeddah: Dar Nurul Maktabat, 2003.
- [30] Shamsul Kamar, M. Z., A. Adi, M. F., Saad, S., Muhammad Radhi, H., & Arifin Md Tahir, M. Z. Relevansi Qirāat dan Implikasinya Terhadap Hukum Fiqh: Satu Pengenalan. *Qirāat: Jurnal al-Qur'an dan Isu-Isu kontemporari*. 4 (1), 2021.
- [31] Umar, Ahmad Mokhtar Abdul Hamid. *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'ashirah*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub, 2008.